

# **Nafkah Keluarga Muslim Bagi Suami Isteri Bekerja**

*Sharifah Faigah Syed Alwi  
Minah Dibok  
Ruuaain Mustari*

## **ABSTRAK**

*Masyarakat umum mengetahui bahawa nafkah ke atas isteri dan anak-anak di dalam sesebuah keluarga muslim terletak di bawah tanggung jawab suami. Persoalan yang timbul di kalangan masyarakat hari ini ialah adakah tanggung jawab untuk menanggung nafkah keluarga di atas suami akan dikongsi bersama dengan isteri jika isteri mempunyai kerjaya dan pendapatannya sendiri. Terdapat para suami yang merasakan bahawa dengan keizinan bekerja yang diberikan kepada isteri membolehkan mereka menggunakan pendapatan isteri untuk sama-sama menanggung nafkah keluarga. Apa yang lebih menyediakan apabila terdapat segelintir suami yang menyerahkan sepenuhnya tanggung jawab mengeluarkan perbelanjaan keluarga kepada isteri. Tulisan ini mengupas persoalan nafkah keluarga Islam dari segi siapakah sebenarnya yang bertanggung jawab menanggung nafkah keluarga. Seandainya kaum wanita terutama para isteri bekerja adakah mereka juga bertanggung jawab menyara keluarga. Pandangan Islam terhadap persoalan wanita bekerja juga disentuh dalam tulisan ini. Islam memandang mulia sumbangan yang diberikan para isteri terhadap suami yang tidak mampu menanggung nafkah keluarga dan ia dianggap sebagai sumbangsih dan sedekah yang amat besar ganjarannya di sisi Allah s.w.t.*

## Pengenalan

Kebanyakan wanita hari ini menceburkan diri dalam sektor pekerjaan sama ada sektor awam atau swasta. Wanita-wanita yang bekerja ini dalam masa yang sama juga merupakan isteri dan ibu. Wanita-wanita ini berusaha bersama-sama dengan suami mereka mencari rezeki yang halal untuk membantu suami menampung perbelanjaan keluarga. Permasalahan timbul apabila terdapat segelintir suami yang menyerahkan sepenuhnya tanggung jawab menanggung nafkah keluarga kepada isteri-isteri mereka yang bekerja. Kebanyakan isteri yang bekerja tidak merasa terbeban untuk menanggung nafkah keluarga seandainya suami mereka sama-sama berkongsi tanggung jawab tersebut dan dalam masa yang sama suami menghargai jasa pihak isteri. Seandainya keseluruhan tanggung jawab nafkah terbeban atas bahu isteri, akan timbul rasa tidak puas hati yang boleh mendorong kepada pergaduhan dan perceraian di kalangan suami isteri. Islam merupakan agama fitrah yang mana Allah s.w.t telah menjadikan tugas dan tanggung jawab manusia daripada lelaki dan perempuan sesuai dengan kemampuan mental dan fizikal masing-masing. Hukum fiqh yang asal jelas menunjukkan bahawa nafkah keluarga secara mutlak terletak di atas tanggungjawab kaum lelaki.

## Keluarga Muslim

Keluarga adalah asas dan sumber kekuatan masyarakat. Ini adalah kerana masyarakat itu terdiri dari unit-unit keluarga. Keluarga diibaratkan laksana sel-sel yang membentuk tubuh. Jika keluarga baik, nescaya masyarakat pun akan menjadi baik dan sebaliknya. Jika keluarga itu rosak maka masyarakat seluruhnya akan menjadi rosak (Abdul Karim Zaidan 1984).

Keluarga muslim ialah sebuah masyarakat kecil yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak yang hidup berpandukan kepada satu sistem hidup yang *haq* (benar) iaitu Islam, yang mana pengabdian diri hanya kepada Allah s.w.t. sahaja dan tidak kepada sesama

manusia atau apa-apa sesuatu selain daripadaNya. Nilai-nilai Islam jelas terserlah dan tumbuh berkembang di dalam jiwa, diri dan peribadi ahli keluarga tersebut. Pertalian antara ahli keluarga dan segala perlakuan mereka adalah berdasarkan iman dan taqwa kepada Allah semata-mata. Di samping itu terdapat perkongsian tanggung jawab dan hak-hak ahli keluarga yang diatur dengan begitu saksama dan adil terutamanya di antara suami dan isteri berdasarkan prinsip syariah (Abu Urwah 1986). Matlamat hidup mereka adalah untuk beribadah kepada Allah dengan pengertian menjalani kegiatan hidup dalam batas-batas sistem yang ditetapkan oleh Allah semata-mata untuk mencari keredhaanNya sama ada dalam kegiatan ekonomi, sosial, politik, kebudayaan dan lain-lain.

Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Wahai sekalian manusia, bertaqwalah kepada Tuhanmu yang telah menciptakan kamu dari seorang diri dan dari Allah menciptakan isterinya dan dari keduanya, Allah memperkembang biakkan laki-laki dan perempuan yang ramai.*

Fungsi utama institusi keluarga dalam Islam ialah (Abu Urwah 1986):

- i Pengekalan dan penerusan umat manusia.
- ii Perlindungan akhlak dan tatasusila.
- iii Kestabilan hubungan kerohanian, kebaikan dan kasih sayang.
- iv Proses pembentukan dan pembinaan nilai-nilai Islam.
- v Jaminan keselamatan sosial dan ekonomi.
- vi Meluaskan kaum kerabat serta mewujudkan kekuatan sosial di dalam masyarakat.
- vii Keazaman untuk berusaha dan berkorban.

## Nafkah

Nafkah ialah sebarang keperluan hidup bagi seseorang insan yang merangkumi makan, minum, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna. Nafkah diwajibkan ke atas suami kepada isterinya dengan sebab perkahwinan yang sah dengan perempuan yang boleh disetubuhi dan taat kepada suami, walaupun dalam iddah raj'ie atau iddah bain dan mengandung (Muhd Fauzi Muhamad 1996).

Asas kepada tanggungjawab suami ini adalah berdasarkan beberapa firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

- i. *Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya. Dan orang yang disempitkan rezekinya hendaklah memberi nafkah dari harta yang diberikan Allah kepadanya. Allah tidak memikulkan beban kepada seseorang melainkan (sekadar) apa yang Allah berikan kepadanya. Allah kelak akan memberikan kelapangan sesudah kesempitan.*

(Surah al-Talaq (65)

- ii. *Dan bapa bertanggung jawab memberi nafkah (makan minum dan pakaian) dengan cara yang sepatutnya.*

(Surah al-Baqarah (2) : 233)

Terdapat beberapa hadith Rasulullah s.a.w. yang menyentuh mengenai persoalan nafkah yang diwajibkan ke atas pihak suami. Sabda Rasulullah s.a.w. yang bermaksud;

- i. Diriwayatkan oleh Jabir bahawa Rasulullah s.a.w. berucap;

*Bertakwalah kamu dalam urusan dengan isteri-isteri kamu, mereka itu tawanan kamu, kamu mengambilnya dengan amanah Allah, menghalalkan kehormatannya dengan kalimah Allah, bagi mereka ke atas kamu nafkah dan*

pakaian yang sempurna.

- ii. Hindun binti ‘Utbah datang berjumpa Rasulullah mengadu kepada Baginda,  
*“Ya Rasulullah, sesungguhnya Abu Sufian seorang yang kedekut dan tidak memberi kepadaku nafkah yang mencukupi bagiku dan anakku”*. Jawab Baginda, *“Ambillah daripada hartanya yang mencukupi kamu dan anak kamu sepatutnya”*.
- iii. Hadith yang diriwayatkan oleh Hakam bin Muawiyah al-Qusyairi daripada bapanya berkata, *“Aku berkata, Ya Rasulullah, apakah hak seseorang isteri ke atas seseorang kami?”* Jawab Baginda, *“Sesungguhnya hendaklah makan apabila kamu makan dan beri pakaian apabila kamu pakai”*.

Dalil-dalil al-Quran dan al-Hadith di atas jelas menunjukkan bahawa nafkah isteri dan anak-anak perlu ditanggung oleh suami. Para ulama juga bersepakat menyatakan bahawa nafkah para isteri diwajibkan ke atas suami kepada isteri dan tidak diwajibkan ke atas isteri kepada suaminya. Nafkah keperluan tersebut merangkumi makanan, minuman, pakaian dan tempat tinggal yang sempurna bersesuaian dengan seseorang isteri mengikut kemampuan yang ada pada seseorang suami berdasarkan firman Allah s.w.t. dalam surah al-Talaq (Muhd Fauzi Muhamad 1996).

Nafkah yang diberikan oleh suami kepada isteri dan keluarga adalah mengikut adat kebiasaan sesuatu kaum iaitu termasuk menyediakan pembantu rumah bila diperlukan. Suami terpaksa menyediakan pembantu rumah sekiranya mengikut adat atau keluarga isteri ada menggunakan pembantu rumah (Al-Nawawi 1985).

Manakala kadar nafkah yang perlu diberikan oleh pihak suami tidak ditentukan kadarnya di dalam al-Quran. Al-Quran hanya menyebut nafkah hendaklah diberikan sekadar keperluan seseorang insan. Kedudukan kadar

nafkah yang diberikan terhenti kepada sesuatu adat sesebuah kaum (Ibnu Qudamah1983). Namun, ciri-ciri hidup dalam kesederhanaan hendaklah diutamakan bagi sebuah keluarga Islam. Sesebuah keluarga perlu berbelanja mengikut kemampuan yang ada iaitu tidak boros dan tidak pula terlalu berkira (bakhil) agar tidak menyusahkan mana-mana pihak terutama pihak suami.

Perlu diingat bahawa nafkah diwajibkan ke atas suami kepada isteri dengan sebab akad perkahwinan yang sah dan isteri patuh serta taat kepada suami walaupun belum berpindah ke rumah perkongsian hidup yang disediakan oleh suami. Nafkah dari pihak suami adalah sebagai balasan kepada ketaatan isteri dan juga sebagai balasan kepada hak suami menghalang isteri keluar rumah untuk mencari nafkah (Muhd Fauzi Muhamad1996).

Firman Allah s.w.t yang bermaksud;

*Hak (nafkah) isteri yang dapat diterimanya dari suaminya seimbang dengan kewajibannya terhadap suaminya itu dengan baik.*

(Surah al-Baqarah (2) : 228)

Daripada ayat di atas, jelaslah bahawa nafkah seorang isteri itu harus sesuai dengan ketaatannya. Seorang isteri yang tidak taat (derhaka) kepada suaminya tidak berhak mendapat nafkah (H. Sulaiman Rasjid 1981). Isteri tidak taat kepada suami di sini termasuklah apabila isteri enggan melakukan persetubuhan dengan suami tanpa sebarang kezuruan bahkan menghalang suami daripada bermesra dengannya atau isteri menutup mukanya daripada suami atau berpaling belakang badan kepada suami (Al-Khatib, Muhammad al-Asharbini 1958). Pada pandangan Islam, isteri yang bekerja dengan keredaan suami masih dianggap mentaati suaminya dan melayakkannya menerima nafkah selama mana pekerjaan tersebut menepati kehendak syarak.

### **Persepsi Islam Terhadap Wanita Bekerja**

Dalam penciptaan manusia, Allah s.w.t. telah menjadikan kaum lelaki itu lebih kuat dan gagah daripada kaum

wanita. Berdasarkan kepada kekuatan fizikal mereka ini, maka Allah menetapkan bahawa lelaki menjadi pemimpin kepada wanita (Che Zainon Yusof 1995). Allah s.w.t. telah berfirman yang bermaksud :

*Kaum lelaki itu adalah pemimpin kaum wanita, oleh kerana Allah telah melebihkan sebahagian mereka (lelaki) atas sebahagian yang lain (wanita), dan kerana mereka (lelaki) telah menafkahkan sebahagian dari harta mereka.*

(Surah al-Nisa (4): 34)

Dari ayat di atas jelas menunjukkan bahawa tugas memimpin dan mencari nafkah adalah di bahu lelaki. Ia juga mengandungi asas pembinaan keluarga bahawa lelaki atau suami seorang sahajalah yang bertanggung jawab mencari nafkah (Al-Bahi Al-Khuli 1983). Di dalam surah yang lain Allah s.w.t. berfirman lagi yang bermaksud :

*Dan hendaklah kamu (wanita) tetap di rumahmu dan janganlah kamu berhias dan bertingkah laku seperti orang-orang jahiliyah yang dahulu, dan dirikanlah solat, tunaikanlah zakat dan taatilah Allah dan RasulNya.*

(Surah al-Ahzab (33) : 33)

Daripada maksud ayat al-Quran di atas, dapat difahami bahawa tugas wanita pada asalnya adalah tetap berada di dalam rumah dan tidak wajib keluar untuk bekerja kerana Allah mewajibkan bapa atau suami kepada wanita untuk memberikannya nafkah. Namun, wanita dibenarkan bekerja disebabkan keperluan yang mendesak seperti kematian suami ataupun keuzuran suami untuk keluar mencari rezeki (Abdul Harith Zaidan 2003).

Al-Quran telah menceritakan kepada kita tentang peristiwa di suatu hari Nabi Musa a.s. melihat dua anak gadis menahan (menghambat) kambing gembalaannya menunggu giliran untuk mendapatkan air di perigi. Nabi Musa bertanya kepada ke dua-dua gadis tersebut dalam

firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Apakah maksudnya (dengan berbuat begitu)?” Kedua wanita itu menjawab: “Kami tidak dapat memberi minuman (ternakan kami) sebelum pengembala-pengembala itu memulangkan (ternaknya), sedang bapa kami adalah orang tua yang lanjut usianya.*

(Surah al-Qashash (28) : 23)

Daripada ayat di atas, kedua-dua anak gadis tersebut menyampaikan alasannya mengapa mereka keluar memberi minum kambing ternaknya iaitu kerana penjaga mereka (bapa) tidak mampu lagi bekerja kerana usianya telah lanjut (Abdul Harith Zaidan 2003).

Islam adalah al-Din yang syumul dan adil kepada seluruh umat manusia. Dalam konteks pekerjaan, Islam tidak membataskan pekerjaan itu hanya terbatas kepada kaum lelaki sahaja. Islam juga mengharuskan kaum wanita keluar bekerja dalam keadaan-keadaan tertentu. Kadang kala menjadi suatu tuntutan kepada kaum wanita untuk keluar bekerja iaitu apabila terdapat keperluan yang mendesak seperti apabila mereka diceraikan atau kematian suami atau tidak pernah berkahwin atau tidak mempunyai sumber kewangan untuk menampung perbelanjaan hidup seharian mereka. Wanita juga berperanan untuk memenuhi tuntutan fardhu kifayah dalam urusan mengenai wanita seperti bidang kedoktoran, kejururawatan, perguruan dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kaum wanita perlu sedar bahawa tugas utama mereka ialah mendidik generasi muslim untuk menjadi insan yang soleh dan berkhidmat kepada suami mereka agar rumah tangga yang mereka bina menjadi rumah tangga yang bahagia dan diredayai Allah s.w.t. (Al-Qardhawi 2000).

Islam telah memberikan beberapa syarat tertentu untuk mengharuskan wanita berkerja agar penglibatan mereka dalam bidang kerjaya ini tidak mengganggu tugas asasi mereka sebagai isteri dan ibu kepada anak-anak

mereka. Di antara syarat-syarat tersebut ialah (Al-Qardhawi 2000):

- i. Kerjaya tersebut mestilah dibenarkan oleh syarak. Dengan erti kata yang lain kerjaya tersebut tidak haram atau mendorong ke arah melakukan perkara yang haram seperti bekerja sebagai penari atau menjadi orang gaji kepada lelaki bujang atau sebagainya.
- ii. Wanita yang bekerja mestilah beriltizam untuk menjaga etika wanita Muslimah ketika ia keluar dari rumahnya sama ada dari aspek pakaian, berjalan, pertuturan dan gerakan. Firman Allah s.w.t yang bermaksud :

*Dan janganlah mereka memperlihatkan perhiasan tubuh badan mereka kecuali yang zahir daripadanya.*

(Surah al-Nur (24):31)

- iii. Jika wanita itu telah berkahwin hendaklah ia mendapat keizinan daripada suaminya.
- iv. Kerjaya tersebut mestilah tidak mengorbankan kewajipan-kewajipan lain yang tidak harus diabaikan seperti kewajipannya terhadap suami dan anak-anak mereka yang merupakan kewajipan yang utama dan tugas asasi mereka.
- v. Kerjaya yang diceburi oleh wanita juga mestilah dapat membantu mereka melaksanakan tugasnya terhadap rumah tangga dan tidak menghilangkan sifat kewanitaannya seperti kerjaya di bidang perguruan, doktor dan sebagainya.

Islam tidak melarang wanita bekerja bahkan al-Quran secara tegas menuntut lelaki dan wanita untuk membentuk kehidupan yang baik (*hayaatan tayyibah*)

dengan melakukan pekerjaan-pekerjaan yang positif (amal soleh). Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Barangsiapa yang mengerjakan amal soleh, baik lelaki maupun perempuan dalam keadaan beriman, maka sesungguhnya akan Kami berikan kepadanya kehidupan yang baik dan sesungguhnya akan Kami beri balasan kepada mereka dengan pahala yang lebih baik dari apa yang telah mereka kerjakan.*

(Surah al-Nahl (16):97)

Menurut hukum fiqh, tiada larangan untuk isteri bekerja selagi ia pandai menjaga batas-batas yang telah ditetapkan syarak. Seandainya sebelum bernikah sudah ada persepakatan di antara suami dan isteri bahawa selepas pernikahan isteri akan terus bekerja, maka suami tidak berhak untuk melarang. Mengikut mazhab Hanbali, suami tidak boleh menghalang isteri bekerja seandainya isteri telah bekerja sebelum pernikahan. Dalam permasalahan suami tidak mampu bekerja seperti sakit, miskin dan sebagainya, majoriti ulama fiqh berpendapat bahawa suami perlu mengizinkan isterinya bekerja dan sama sekali tidak berhak untuk menghalang isteri bekerja (Ibnu Qudamah, Muwaffiqudi 1983). Ini kerana Islam tidak suka umatnya meminta sedekah sedangkan mereka mempunyai kudrat untuk mencari rezeki yang halal.

### **Hukum Nafkah Isteri Bekerja**

Tugas asal wanita dijadikan oleh Allah s.w.t. ialah menguruskan suami dan keluarganya. Suami diwajibkan oleh Allah s.w.t. menanggung nafkah isteri dan keluarganya. Para fuqaha bersetuju bahawa nafkah wajib diberi jika ada penyerahan diri isteri secara sempurna terhadap suami. Suami berhak sepenuhnya ke atas diri isteri seperti mendapatkan layanan, mengurus rumah tangga, mengasuh anak-anak dan sebagainya. Penyerahan diri isteri yang sempurna mewajibkan nafkah ke atas suami sebagai balasan di atas khidmat yang

diberikan isteri untuk kemanfaatan diri suami (Suzara Makpol 2003).

Seseorang isteri yang menyerahkan dirinya kepada suami pada waktu malam sahaja tetapi sibuk dengan kepentingan diri pada waktu siang, maka suami tidak wajib mengeluarkan nafkah ke atas dirinya. Namun, nafkah wajib diberi jika isteri bekerja dengan izin suami. Keizinan itu membawa maksud suami reda dengan pengurangan hak menguasai diri isteri. Suami berhak melarang isteri bekerja jika beliau mendapati pekerjaan itu mengurangkan hak terhadap diri isteri, atau apabila isteri mengabaikan tugas utamanya kepada keluarga (Suzara Makpol 2003). Namun, jika dilihat kepada fungsi tugas isteri hari ini bukan sekadar sama-sama mencari nafkah seperti suami bahkan kerja-kerja rumah dan tugas mendidik anak selepas pulang dari bekerja juga dilaksanakan oleh pihak isteri. Maka sewajarnyalah suami menghargai jasa isteri dengan menanggung nafkah keluarga dan melayan isterinya dengan sebaik mungkin.

Dalam realiti kehidupan berkeluarga hari ini, terdapat ramai suami yang berpendapatan lebih rendah daripada isteri. Persoalan yang sering ditimbulkan adalah jika suami yang berpendapatan lebih rendah daripada isteri ini boleh berlepas tangan dalam pemberian nafkah terhadap isteri dan keluarga. Islam menetapkan bahawa suami yang lebih sedikit harta daripada pihak isteri masih bertanggung jawab menyara keluarga sekadar kemampuannya. Lelaki yang berterusan mengambil wang isteri akan menimbulkan rasa tidak puas hati dan tekanan perasaan kepada isteri. Di samping itu, suami berada dalam posisi kurang *izzah* (kemuliaan) di mata isteri.

Seandainya seseorang suami penuh dengan *izzah* dan sentiasa menjaga wibawa kelelawiannya, ia tidak akan merasa senang menerima sedekah terus menerus daripada isteri walaupun isterinya meredai. Jika keadaan tersebut berlarutan, ia akan mengakibatkan suami kurang *qawwam* (kehebatan) di mata isterinya. Suami yang bijaksana dan penuh *izzah* akan sentiasa bersabar dan bekerja keras untuk mencari nafkah yang mencukupi bagi menanggung

keluarganya daripada hanya meminta pendapatan isteri tanpa sedikitpun perasaan malu.

### **Pandangan Islam Terhadap Nafkah Daripada Isteri Terhadap Suami dan Keluarga**

Sebuah hadis riwayat al-Bukhari daripada Abu Said al-Khudari r.a. mengatakan bahawa Zainab iaitu isteri kepada Abdullah bin Masud telah bertanya Rasulullah s.a.w., “Wahai Nabi Allah, hari ini Tuan menyuruh saya bersedekah dan saya mempunyai barang-barang perhiasan (barang kemas). Saya ingin bersedekah dengan barang-barang itu lalu Ibnu Masud dan anaknya mendakwa mereka adalah orang-orang yang lebih berhak saya sedekahi”. Baginda menjawab, “Benar kata-kata Ibn Masud itu, suami dan anak kamu adalah orang-orang yang paling berhak kamu sedekahi mereka”. Dalam satu hadis yang lain, Rasulullah s.a.w. menekankan perbuatan Zainab tersebut mendapat dua ganjaran iaitu ganjaran kekeluargaan (kerana bersedekah kepada keluarga terdekat) dan ganjaran sedekah (Muhammad ‘Atiyyah Khamis 1987).

Daripada hadith di atas, Rasulullah s.a.w. menekankan tentang kepentingan seorang isteri yang mempunyai harta untuk membantu kaum kerabatnya yang terdekat iaitu suami dan anak-anaknya sendiri. Pengajaran yang boleh diambil daripada hadith tersebut ialah isteri-isteri bekerja mendapat pahala dan ganjaran yang amat besar di sisi Allah dan RasulNya seandainya mereka menafkahkan harta mereka atau bersedekah kepada suami dengan membantunya dalam menampung perbelanjaan keluarga. Seandainya isteri ingin membuat amal soleh dengan bersedekah adalah lebih baik ia bersedekah kepada suaminya sendiri daripada bersedekah kepada orang lain kerana pahalanya lebih besar dan dapat meringankan beban suaminya.

Adapun ganjaran untuk orang yang bersedekah begitu banyak disebut di dalam al-Quran dan al-Sunnah. Di antaranya ialah:

- i. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud;

*Dan apa saja yang kamu nafkahkan, maka Allahlah akan menggantikannya dan Dialah Pemberi rezeki yang sebaik-baiknya.*

(Surah Saba (34):39)

- ii. Firman Allah s.w.t. lagi yang bermaksud:

*Orang-orang yang menafkahkan hartanya di malam dan di siang hari secara tersembunyi dan terang-terangan, maka mereka mendapat pahala di sisi Tuhan mereka. Tidak ada kebimbangan terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati.*

(Surah al-Baqarah (2):274)

- iii. Hadith Rasulullah s.a.w. yang bermaksud:

*Tidak akan kamu capai kebaikan sehingga kamu menafkahkan dari apa yang kamu sukai.*

- iv. Dalam hadith yang lain pula, Rasulullah s.a.w. telah bersabda yang bermaksud:

*Tangan yang di atas (orang yang memberi) lebih baik dari tangan yang di bawah (orang yang menerima). Dahulukanlah (dalam bersedekah) orang yang menjadi tanggunganmu.*

Umat Islam perlu memahami hakikat keluarga dalam Islam yang dibentuk untuk mewujudkan ketenteraman, cinta dan kasih sayang di kalangan ahli keluarga yang terdiri daripada suami, isteri dan anak-anak. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Dan di antara tanda-tanda kekuasaanNya ialah Dia menciptakan untukmu isteri-isteri dari jenismu sendiri, supaya kamu cenderung dan*

*merasa tenteram kepadanya, dan dijadikanNya di antaramu rasa kasih dan sayang. Sesungguhnya pada yang demikian itu benar-benar terdapat tanda-tanda bagi kaum yang berfikir.*

(Surah al-Rum (30):21)

Kedudukan suami dan isteri adalah sama seperti mana ungkapan al-Quran iaitu yang satu menjadi pakaian kepada yang lain. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Dihilalkan bagi kamu pada malam hari bulan puasa bercampur dengan isteri-isteri kamu, mereka itu adalah pakaian bagimu, dan kamu pun adalah pakaian bagi mereka.*

(Surah al-Baqarah (2):187)

Suami dan isteri dituntut bersama-sama melakukan amal-amal kebajikan untuk kepentingan keluarga dan masyarakat iaitu termasuklah dengan sama-sama menyumbangkan harta dan tenaga masing-masing. Firman Allah s.w.t. yang bermaksud:

*Dan orang-orang yang beriman, lelaki dan perempuan sebahagian mereka (adalah) menjadi penolong bagi sebahagian yang lain. Mereka menyuruh (mengerjakan) yang makruf, mencegah dari yang munkar, mendirikan sembahyang, menunaikan zakat dan mereka taat kepada Allah dan RasulNya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; Sesungguhnya Allah Maha Perkasa lagi Maha Bijaksana.*

(Surah al-Taubah (9):71)

Oleh itu, menjaga kebajikan rumah tangga adalah menjadi tanggung jawab bersama di antara suami dan isteri. Nikmat dan beban rumah tangga perlu dipikul bersama. Nafkah keluarga yang pada asalnya menjadi tanggung jawab mutlak suami tidak salah untuk dikongsi

bersama beban itu dengan isteri yang bekerja. Begitu juga dengan pengasuhan dan pendidikan anak-anak serta kerja-kerja rumah perlulah dilakukan secara bersama di antara suami dan isteri. Sikap toleransi dan tolong menolong adalah jalan terbaik untuk mengukuhkan kasih sayang di samping sama-sama berusaha membina empayar kebahagiaan perkahwinan dan rumah tangga. Sesungguhnya nikmat terbesar bagi suami dan isteri ialah apabila ke duanya dapat hidup bahagia dengan penuh kasih sayang yang mana keadaan itu hanya dapat diperolehi seandainya masing-masing saling bantu membantu di dalam apa juar masa dan keadaan. Perasaan kasih sayang yang wujud di antara suami dan isteri juga mendapat pahala yang amat besar di sisi Allah s.w.t. Rasulullah s.a.w. bersabda yang bermaksud:

*Sesungguhnya apabila seorang suami memandang isterinya, dan isterinya membalas pandangan tersebut dengan penuh kasih dan cinta, maka Allah memandang mereka dengan pandangan kasih mesra, dan jika si suami membelai tangan isterinya, maka dosa mereka jatuh berguguran di celah-celah jari tangan mereka.*

## **Kesimpulan**

Keluarga muslim sentiasa melaksanakan tanggungjawab mereka dalam semua aspek kehidupan sama ada dalam aspek kasih sayang, pendidikan, sosial, pemberian nafkah dan lain-lain. Nafkah adalah tanggung jawab mutlak suami ke atas isteri selagi isteri merupakan isteri yang baik dan taat kepada suaminya. Tanggung jawab isteri pula berpuas hati dan reda dengan apa yang mampu diberikan suami sekadar kemampuannya. Hak nafkah daripada suami ke atas isteri akan gugur seandainya isteri nusyuz atau derhaka kepada suami dan mengabaikan tanggung jawab asasi sebagai isteri dan ibu kepada anak-anaknya. Seandainya isteri ingin bekerja, keizinan suami

perlu diperolehi terlebih dahulu. Sekiranya suami tidak menyukai pekerjaan isteri disebabkan pekerjaan tersebut melanggar syariat atau pekerjaan tersebut membuatkan isteri mengabaikan tanggung jawab menguruskan suami dan anak atau pekerjaan tersebut menyebabkan wanita akan berjalan jauh tanpa mahram, maka suami boleh melarangnya. Namun, suami tidak berhak meminta pendapatan isteri untuk membantu rumah tangga kecuali dengan reda isteri sendiri. Sumbangan yang diberikan oleh isteri kepada suami dikira sebagai sedekah atau sumbangan kasih yang amat besar pahalanya di sisi Allah s.w.t.

## Rujukan

- Abdul Harith Zaidan. (2003). *Adab Terpuji dan Tanggung Jawab Wanita Solehah*. Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.
- Abdul Karim Zaidan. (1984). *Dasar-Dasar Ilmu Dakwah*. Singapore: Seri Media Dakwah.
- Abu Urwah. (1985). *Risalah Usrah, Wanita dan Kekeluargaan*. j.2. Petaling Jaya: Pustaka Salam.
- Al-Bahi Al-Khuli. (1983). *Al-Islam wa al-Mar'ah al-Muassirah*. Kuwait: Dar al-Ilm.
- Al-Kasani al-Hanafi, 'Alauddin bin Abu Bakr bin Masud. (1982). *Badai' al-Sanai'*. Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.
- Al-Khatib, Muhammad al-Asharbini. (1958). *Mughni al-Muhtaj*. Kaherah: Mustafa al-Babi al-Halabi.
- Al-Nawawi. (1985). *Raudhah al-Talibin*. Beirut: Al-Maktab al-Islami.
- Al-Qardhawi, Yusuf. (2000). *Ciri-ciri Unggul Masyarakat*

*Islam yang Kita Idamkan.* Bandar Baru Bangi: Penerbitan Seribu Dinar. (Terjemahan: Ustaz Mohammad Zaini Yahaya).

Che Zainon Yusof. (1995). *Penyelewengan Wanita Menurut Pandangan Islam.* Batu Caves: Pustaka Ilmi.

H. Sulaiman Rasjid. (1981). *Fiqh Islam.* Jakarta: Attahiriyyah.

Ibnu Qudamah. (1983). Muwaffiqudi, *Al-Mughni Li Ibni Qudamah.* Beirut: Dar al-Kitab al-Arabi.

Kasmuri Selamat. (1995). *111 Wasiat Rasulullah S.A.W. Untuk Wanita Solehah.* Kuala Lumpur: Jasmin Enterprise.

Muhd Fauzi Muhamad. (1996). *Undang-undang Keluarga Islam dalam Empat Mazhab: Pembentukan Keluarga.* Kajang: Synergymate Sendirian Berhad.

Muhammad ‘Atiyyah Khamis. (1987). *Fiqh Wanita: Zakat dan Puasa.* Shah Alam: Hizbi. (Terjemahan: Mat Sa’ad Abd. Rahman).

Suzara Bte Makpol. (2003). *Nafkah Isteri Bekerja; Satu Analisa Hukum.* Kuala Lumpur: Jabatan Fiqh Dan Usul, Bahagian Pengajian Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.

---

SHARIFAH FAIGAH SYED ALWI, MINAH DIBOK & RUAAIN MUSTARI, Pusat Pemahaman dan Pemikiran Tamadun Islam, Universiti Teknologi MARA Pahang.  
shfaigah@pahang.uitm.edu.my